

23 OCT 2001

IKLAN-GLOBAL

ISC KEMBANG SAYAP KE PASARAN GLOBAL DENGAN USAHA SAMA TBWA

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- ISC Group, salah satu daripada agensi pengiklanan tempatan terkemuka Malaysia, akan mengembangkan sayapnya ke pasaran dunia melalui usaha sama dengan salah satu daripada 10 agensi pengiklanan terkemuka Amerika Syarikat, TBWA.

Pengerusi ISC Group, Mukhriz Mahathir berkata ISC percaya bahawa dengan TBWA sebagai rakan kongsi serantau dan globalnya, ia tidak lama lagi bukan sahaja menjadi agensi nombor satu di Malaysia tetapi juga akan menjadi antara agensi paling terkemuka di rantau ini.

"Kami yakin bahawa pengetahuan dan pengalaman antarabangsa TBWA, digabungkan dengan kefahaman mendalam ISC terhadap pasaran Malaysia akan terbukti merupakan kuasa di dalam tahun-tahun mendatang," beliau memberitahu pemberita selepas pelancaran syarikat perkongsian ISC/TBWA, TBWA-ISC Malaysia Sdn Bhd, oleh Menteri Penerangan Tan Sri Mohd Khalil Yaakob di sini.

Mukhriz berkata hasil perbincangan usaha sama berterusan dengan TBWA sepanjang 10 bulan lalu, syarikat itu telah mula menjalankan tugas untuk beberapa pelanggan TBWA termasuk Cadbury, Nivea, Nutricia, Samsonite dan Seagram.

Beliau berkata dengan pelanggan-pelanggannya sedia ada dan pemilikannya baru-baru ini Malaysia National Insurance dan TM Touch Accounts, ia dapat mencapai kedudukannya sekarang sebagai agensi nombor lima Malaysia.

Pengerusi TBWA Group Asia-Pasifik, Keith Smith berkata TBWA akan membawa rangkaian antarabangsa ke kumpulan ISC, sambil ISC memberikan TBWA kefahaman yang perlu dan penghubung untuk mengusaha dan menerokai pasaran Malaysia.

"Kami tertarik dengan pertumbuhan ISC di mana dalam masa kurang daripada tujuh tahun sejak penubuhannya, ia telah berjaya meletakkan dirinya dengan kukuh sebagai agensi pengiklanan kelima terbesar di Malaysia, tambahnya.

Smith berkata TBWA memperolehi modal tahunan lebih daripada AS8.6 bilion dan syarikat itu mempunyai pejabat di lebih daripada 113 bandaraya di 70 negara.

Katanya pelanggan-pelanggan TBWA termasuk banyak daripada jenama terkemuka dunia termasuk Apple, Absolut, BIC, Beiersdorf, Levi's, MCDonald's, Nissan, Seagram, Henkel, Sony Playstation dan Majlis Olimpik Antarabangsa. -- BERNAMA

AKT KTC OS